

Amalan Pengiktirafan Hasil Oleh Institusi Wakaf, Zakat, Dan Baitulmal Di Malaysia

Mohd Fairuz Md Salleh¹
 Norida Basnan
 Azlina Ahmad
 Azizah Harun
 Hairunnizam Wahid
 Ainol Basirah Abdul Wahab

Universiti Kebangsaan Malaysia
<https://doi.org/10.58458/ipnj.v08.01.01.0050>

Abstrak

Artikel ini mengkaji amalan pengiktirafan hasil oleh institusi yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan penyata kewangan dan perbincangan kumpulan fokus, dapatan kajian ini melaporkan wujudnya perbezaan dalam amalan pengiktirafan hasil bagi lima Institusi WZB yang dijadikan sampel kajian terutamanya dalam aspek pengiktirafan wakaf khas, pengiktirafan harta faraid atau hak pesaka bahagian baitulmal, titik pengiktirafan hasil luqatah dan wujudnya perbezaan dalam asas pengukuran yang digunakan bagi Institusi WZB dalam mengiktiraf hasil-hasil tersebut. Dapatan kajian ini dapat memberikan kefahaman berhubung amalan semasa pengiktirafan hasil Institusi WZB dan seterusnya diharapkan dapat digunakan sebagai input bagi pembentukan piawaian perakaunan dan pelaporan seragam khusus bagi Institusi WZB.

Kata kunci: wakaf, zakat, baitulmal, pengiktirafan hasil, perakaunan Islam

Abstract

This article presents a critical review of revenue recognition practices among the institutions administering waqf, zakah and baitulmal (WZB) in Malaysia. Through a content analysis of financial statements and focus group discussions with the accountants and management of the five WZB institutions, the findings show that different revenue recognition practices have been employed, particularly in recognizing revenues of waqf for specific purpose and in recognizing 'faraid' properties or portion of estates of a deceased person that belong to baitulmal. Furthermore, the review of practices of the sample institutions reveals different point

1

Penulis adalah pensyarah kanan di Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian dari dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (Kod projek: EP-2018-005)

of recognition of 'luqatah' as revenue and diverse measurement basis were used in revenues recognition. The findings provide understanding on the current practices of recognition of the various types of revenues administered by the institutions of WZB. The findings can also be used as inputs in developing Islamic accounting standards that will harmonize the accounting and reporting practices among WZB institutions.

Keywords: waqf, zakah, baitulmal, revenue recognition, Islamic accounting

Pengenalan

Aspek pengurusan harta agama Islam oleh Institusi yang diberi amanah merupakan faktor penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam khususnya dan negara secara amnya. Dalam konteks Malaysia, pentadbiran harta termasuk hasil berkaitan agama Islam diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan dan pentadbiran tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi yang diberi mandat oleh MAIN. Pengasingan pengurusan wang berkaitan agama Islam termasuk hasil yang ditadbirkan Institusi Zakat, Wakaf dan Baitulmal (selepas ini dinyatakan sebagai Institusi WZB) yang tidak diiktiraf sebagai wang awam adalah jelas seperti yang termaktub dalam Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957. Institusi WZB sebagai institusi yang diberi amanah menguruskan wang dan harta umat Islam memainkan peranan yang penting bagi memenuhi dan memelihara kepentingan umat Islam dan juga masyarakat awam amnya.

Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kewangan umat Islam, serta pemodenan tadbir urus Institusi WZB, pengurusan hasil agama Islam pada masa kini dilihat lebih kompleks dan memerlukan kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan bagi menjamin kelestarian sosioekonomi umat Islam. Peningkatan jumlah hasil agama, terutama hasil zakat yang diurus tahun ke tahun ditambah dengan jenis kutipan hasil yang pelbagai menjadikan aspek pengurusan hasil oleh Institusi WZB termasuk MAIN lebih kritikal (Khairul Azhar, 2017). Secara spesifik, tatacara perakaunan dan pelaporan hasil yang sistematik dan telus amat diperlukan bagi membolehkan Institusi WZB menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan (Hailani Muji Tahir & Ahmad, 2009). Sungguhpun akauntabiliti yang tinggi Institusi WZB dituntut oleh pihak berkepentingannya, kajian lepas melaporkan bahawa wujudnya ketidakseragaman dan kelemahan amalan perakaunan dan pengurusan di kalangan MAIN di Malaysia (Abdul Rahman & Goddard, 1998). Hal ini disebabkan oleh ketiadaan piawaian khusus yang sesuai untuk digunapakai oleh institusi yang mentadbir wakaf, zakat dan baitulmal dalam mengakaunkan dan melaporkan harta termasuk hasil agama Islam yang diuruskan (Ihsan et al., 2017). Tambahan pula, pemakaian piawaian konvensional sedia ada adalah tidak sesuai disebabkan teras operasi Institusi WZB adalah unik dan berbeza berbanding entiti yang bermotifkan untung mahupun entiti awam yang lain (Nahar & Yaacob, 2011; Yaacob, Petra & Sumardi, 2015; Azmi & Haniffa, 2015). Oleh itu, keunikan Institusi WZB yang beroperasi dalam ruang lingkup yang berlandaskan ketetapan syarak menuntut suatu tatacara dan sistem perakaunan yang sesuai agar catatan urusniaga

dan aktiviti institusi dapat diakaunkan dan dizahirkan selari dengan roh Islam yang mendasari operasi institusi tersebut.

Bagi mengatasi pemasalahan ini, usaha membangunkan piawaian perakaunan khusus bagi Institusi WZB yang dikenali sebagai piawaian perakaunan dan pelaporan Islam telah dimulai sejak 2016, hasil inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama tiga buah universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (Bernama, 2016). Usaha membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam ini semestinya memerlukan penelitian yang mendalam berhubung aspek amalan perakaunan semasa di kalangan Institusi WZB bagi memberi kefahaman terhadap pengoperasian perakaunan di Institusi WZB yang kompleks dan unik ini. Ia seterusnya menjadi input penting dalam pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam tersebut.

Artikel ini bertujuan untuk mempersembahkan dapatan kajian berkaitan amalan perakaunan Institusi WZB dengan memberi fokus kepada aspek amalan pengiktirafan hasil berdasarkan kajian di beberapa Institusi WZB yang dipilih sebagai sampel kajian. Dapatan dari kajian ini dapat digunakan sebagai input dalam menyumbang kepada usaha untuk membangunkan piawaian perakaunan yang seragam khusus untuk operasi Institusi WZB. Artikel ini seterusnya akan dimulakan dengan perbincangan sorotan karya lepas yang berkaitan, disusuli dengan metodologi kajian serta dapatan kajian. Artikel ini akan diakhiri dengan perbincangan dan kesimpulan.

Sorotan Karya

Kajian lepas yang diulas dalam bahagian ini adalah kajian-kajian yang berkaitan dengan perakaunan dan pelaporan di institusi berlandaskan Agama Islam termasuk Institusi WZB samada di Malaysia atau di negara lain yang berkaitan.

Perakaunan Dan Pelaporan Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal

Sistem perakaunan dan pelaporan yang telus merupakan salah satu medium penting bagi menzahirkan akauntabiliti sesebuah institusi (Connollay & Hyndman, 2013), termasuk institusi berlandaskan Agama Islam. Malahan bagi institusi berlandaskan Agama Islam ini, tuntutan akauntabiliti adalah lebih holistik meliputi tuntutan akauntabiliti kepada Allah dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat terutamanya umat Islam. Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas melaporkan amalan perakaunan dan pelaporan di kalangan Institusi WZB termasuk MAIN adalah tidak seragam dan hal ini menimbulkan persoalan tentang isu ketelusan dan akauntabiliti yang dipamerkan oleh institusi berkenaan sebagai institusi yang diberi amanah mengurus harta umat Islam (Hasan Basri & Siti Nabihah, 2010). Ketidakyakinan segelintir orang awam dibuktikan dengan wujudnya isu seperti pembayar zakat yang enggan membayar zakat melalui institusi zakat kerana tidak yakin bagaimana kutipan dan agihan diuruskan oleh institusi berkenaan (Hairunnizam & Sanep, 2014; Azman et al., 2012). Sebaliknya, apa yang sebenarnya diperlukan adalah tatacara perakaunan yang seragam serta pelaporan yang menyediakan maklumat yang lengkap, telus dan boleh dipercayai bagi membolehkan institusi

yang mengurus wakaf, zakat dan baitulmal ini terus mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat (Md Salleh et al., 2016).

Walaupun amalan perakaunan di institusi yang mengurus hasil agama Islam seperti Baitulmal jelas telah lama wujud (Ahmad Zamri et al., 2017), kajian isu-isu dan amalan perakaunan di Institusi WZB adalah masih kurang terutamanya dalam konteks amalan di Malaysia (Maliah et al., 2016). Antara kajian awal yang telah dijalankan bagi memahami amalan perakaunan di Institusi WZB adalah kajian Abdul Rahman dan Goddard (1998) yang telah menjalankan kajian secara interpetif bagi memahami amalan perakaunan di dua MAIN di Malaysia. Dapatan kajian mereka melaporkan kewujudan isu-isu perakaunan yang kritikal seperti ketiadaan sistem perakaunan yang lengkap dan sistematik dan seterusnya menyumbang kepada kurangnya tahap akauntabiliti di kalangan MAIN yang dikaji. Kajian-kajian lain berhubung amalan perakaunan dan pelaporan Institusi WZB kebanyakannya memberi fokus kepada aspek tertentu seperti kajian berkenaan pelaporan wakaf di kalangan Institusi WZB. Contohnya, Siti Rokiah (2005) mengkaji amalan pendedahan berhubung wakaf di kalangan 14 MAIN di Malaysia. Beliau mendapati beberapa isu ketelusan seperti tahap pendedahan yang rendah dan ketiadaan laporan kewangan yang terkini. Kajian yang lebih terkini, Mustaffha dan Zainal (2016) yang menjalankan analisis kandungan penyata kewangan terhadap sebuah MAIN di Malaysia juga mendapati tahap pendedahan maklumat wakaf adalah terhad. Selain itu, Azmi dan Haniffa (2015) dalam kajian mereka yang membandingkan amalan pelaporan perakaunan di dua institusi wakaf di Malaysia dan Singapura memberikan bukti bahawa pemakaian piawaian perakaunan konvensional yang berasaskan organisasi bukan untung tidak sesuai kerana gagal memenuhi keperluan pendedahan bagi isu-isu unik berhubung wakaf seperti istibdal.

Kajian-kajian lepas berhubung zakat pula lebih tertumpu kepada aspek pengurusan kutipan agihan zakat (Hairunnizam & Sanep, 2014; Zainal Abidin, 2006; Halidan 2006). Selain itu, Hairunnizam dan Radiah (2010) pula melaporkan pendedahan maklumat agihan zakat yang rendah boleh menjejaskan keyakinan pihak berkepentingan. Aspek perakaunan dan pelaporan Institusi zakat amat kurang dikaji sehingga kini. Antara isu-isu kritikal berhubung perakaunan dan pelaporan zakat yang perlu dikaji secara mendalam seperti yang diketengahkan oleh Sulaiman et al. (2016) adalah kesesuaian penggunaan terma hasil bagi merujuk kepada kutipan zakat oleh Institusi WZB seperti yang diamalkan sehingga kini dan isu pelaporan lebih kutipan zakat yang tidak diagihkan pada akhir tempoh perakaunan yang boleh menimbulkan salah faham di kalangan pengguna penyata kewangan. Justeru, kajian yang melihat secara khusus aspek perakaunan dan pelaporan Institusi WZB sangat penting untuk dilaksanakan bagi memberi kefahaman dan menjadi input dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam yang seragam dan seterusnya dapat membantu Institusi WZB melaksanakan dan menzahirkan akauntabiliti mereka dengan lebih berkesan.

Perenggan seterusnya membincangkan secara ringkas konsep dan jenis hasil yang menjadi fokus kajian berhubung amalan perakaunan hasil Institusi WZB yang dilaporkan dalam artikel ini.

Hasil

Dari perspektif kerangka kerja perakaunan konvensional, istilah pendapatan dan hasil secara amnya merujuk kepada dua perkara yang berlainan tetapi saling berhubungan. Definisi pendapatan adalah merujuk kepada 'peningkatan dalam manfaat ekonomi sepanjang tempoh perakaunan dalam bentuk aliran masuk atau penambahan aset atau pengurangan liabiliti yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan daripada penyumbang ekuiti' (IPSASB, 2014). Pendapatan adalah terdiri daripada 'hasil' dan 'laba (atau untung)'. Perbezaan antara hasil dan laba adalah hasil timbul disebabkan oleh aktiviti operasi biasa oleh entiti seperti jualan, yuran, dividen, dan royalti. Manakala istilah laba pula digunakan untuk merujuk kepada lain-lain pendapatan yang kebiasaannya timbul dari aktiviti selain dari aktiviti operasi biasa sesebuah entiti seperti laba yang timbul dari pelupusan aset tetap.

Dari perspektif perakaunan akruan kerajaan Malaysia pula, definisi hasil adalah merujuk kepada 'aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam tempoh pelaporan apabila aliran masuk tersebut menghasilkan peningkatan dalam aset bersih atau ekuiti, selain peningkatan berkaitan sumbangan daripada pemilik' (Glosari Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan, 2014). Piawaian perakaunan kerajaan Malaysia yang dikenali sebagai Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) mengkelaskan hasil kepada dua kategori iaitu hasil daripada urus niaga pertukaran (MPSAS 9) dan hasil dari urus niaga bukan pertukaran (MPSAS 23).

Menurut MPSAS yang berkenaan, urus niaga pertukaran adalah urus niaga apabila suatu entiti menerima aset atau perkhidmatan, atau melangsaikan liabilitinya, dan secara langsung memberikan nilai yang sama (terutamanya dalam bentuk tunai, barangan, perkhidmatan, atau penggunaan aset) kepada entiti lain sebagai pertukaran. Hasil yang termasuk dalam kategori hasil dari urus niaga pertukaran ialah hasil dari penyediaan perkhidmatan (seperti sewaan atau pajakan), jualan barangan, faedah, royalti dan dividen. Urus niaga bukan pertukaran pula adalah selain daripada urus niaga pertukaran. Dalam urus niaga bukan pertukaran, suatu entiti sama ada menerima daripada atau memberi kepada entiti lain tanpa secara langsung memberi atau menerima nilai yang hampir sama sebagai pertukaran. Antara contoh hasil dari urus niaga bukan pertukaran ialah cukai dan pindahan (termasuk geran, pelepasan hutang, denda, pusaka, hadiah, derma, serta pemberian dalam bentuk barang dan perkhidmatan). Walaupun kerajaan mungkin memperoleh hasil dari dua kategori tersebut, namun majoriti hasil kerajaan adalah terdiri daripada hasil dari transaksi bukan pertukaran. Konsep hasil dari perspektif kerajaan ini mungkin juga boleh dikaitkan dalam memahami jenis hasil dan amalan pengiktirafan hasil bagi Institusi WZB di Malaysia. Hal ini kerana, MAIN sebagai institusi yang diberi mandat mentadbir harta wakaf, zakat dan baitulmal juga merupakan sebahagian dari komponen entiti kerajaan. Perenggan seterusnya membincangkan konsep hasil dalam konteks agama Islam yang menjadi fokus bagi kajian ini.

Dari perspektif Agama Islam, menurut Gulaid (1995) sumber hasil dapat dibahagikan kepada dua iaitu hasil dari sumber tradisional seperti zakat, harta rampasan perang (ghanimah), fai,

kharaj, jizyah, harta yang dijumpai (luqatah), wakaf dan hasil dari sumber kontemporari seperti pembangunan hartanah, pelaburan dalam instrumen kewangan patuh syariah, fi dari pelbagai perkhidmatan seperti penyembelihan dan lain-lain. Manakala Hailani Muji Tahir (2007) pula membahagikan hasil agama yang merupakan hasil pendapatan baitulmal (baitulmal sebagai perbendaharaan Negara Islam) kepada dua kategori iaitu hasil khas dan hasil am. Hasil khas adalah hasil zakat termasuk zakat harta dan zakat fitrah kerana zakat perlu diurus dan ditadbir mengikut ketetapan syarak. Hasil am pula adalah hasil-hasil lain seperti ghanimah, fai, wakaf, pelbagai jenis cukai (kharaj, jizyah, ushr), harta pewarisan dan wasiat bahagian baitulmal, luqatah, dan lain-lain.

Berbeza dengan konsep baitulmal seperti yang dirujuk dari Hailani Muji Tahir (2007) iaitu baitulmal sebagai institusi perbendaharaan negara seperti yang dibincangkan di atas, baitulmal dari konteks Malaysia adalah merujuk kepada hasil agama Islam selain daripada wakaf dan zakat (Maliah et al., 2016). Oleh itu, hasil agama yang ditadbir dan diurus oleh MAIN secara umumnya dikelaskan kepada tiga kumpulan sumber iaitu sumber zakat, wakaf dan baitulmal. Justeru, bagi tujuan keselarian dengan konteks kajian yang fokus kepada konteks Institusi WZB, perbincangan ringkas berkaitan hasil agama dalam perenggan-perenggan seterusnya akan dibahagikan kepada tiga iaitu hasil zakat, wakaf dan baitulmal.

Zakat

Zakat secara umumnya merupakan hasil yang dikutip dari umat Islam yang berkemampuan dari segi kekayaan dan merupakan tuntutan wajib dalam Islam berdasarkan dalil:

“Ambillah (sebahagian) dari harta-harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui” (at-Taubah, 9: 103).

Hasil zakat pula seterusnya diagihkan kepada lapan golongan penerima (asnaf) yang telah ditentukan secara jelas dalam Al-Quran iaitu golongan fakir, miskin, amil, muafak, hamba (riqab), orang berhutang (gharimin), untuk dibelanjakan di jalan Allah (fisabilillah), dan orang bermusafir dalam perjalanan (ibnu sabil) (Surah at-Taubah, 9:60). Oleh hal yang demikian, hasil zakat merupakan hasil yang mempunyai tujuan khusus seperti yang dikehendaki oleh syarak berbanding harta lain dan diurus secara berasingan dari harta yang lain (Qaradawi, 2011). Sehingga kini, zakat merupakan sumber hasil utama bagi umat Islam (Khairul Azhar, 2017).

Dari segi pengurusan zakat, ia bergantung kepada struktur pentadbiran institusi Agama Islam di setiap negeri. Bagi sesetengah negeri, pengurusan zakat dilaksanakan MAIN (seperti di Johor), manakala bagi sesetengah negeri yang lain, ia dilaksanakan oleh agensi di bawah MAIN seperti Lembaga Zakat atau Pusat Zakat (seperti di Selangor dan di Sabah). Bagi

situasi yang kedua ini, perakaunan dan pelaporan zakat akan dilaksanakan oleh agensi berkenaan dan diakhir tahun kewangan pelaporannya akan disatukan dengan MAIN.

Wakaf

Bagi wakaf pula, tinjauan sejarah membuktikan bahawa wakaf telah wujud bermula zaman Rasulullah S.A.W berdasarkan hadis:

“Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. “(Hadis Riwayat Imam Muslim).

Hadis di atas memberikan dalil kepada pensyariatan wakaf serta menjelaskan beberapa ciri dan konsep wakaf iaitu 'ain wakaf perlu dikekalkan, dan hasil wakaf boleh digunakan untuk tujuan sedekah dan juga diambil oleh pentadbir wakaf dengan sewajarnya. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat sedikit kelenturan dalam pengurusan hasil wakaf yang membenarkan pentadbir menggunakan budi bicara dalam menguruskan hasil wakaf berbanding hasil zakat.

Menurut Omar, Abu Bakar, Shuib dan Jusoh (2016), majoriti harta wakaf semasa pemerintahan kerajaan Uthmani dan Sultan Muhammad 'Ali Basya adalah tertumpu kepada tanah wakaf pertanian dan wakaf bangunan bagi tujuan sosial seperti perpustakaan, masjid dan sekolah. Pembangunan wakaf era kontemporari menunjukkan pelbagai inovasi dalam wakaf di mana wakaf tidak hanya tertumpu kepada wakaf khas bagi tujuan pembinaan masjid dan sekolah semata-mata. Wakaf masa kini berkembang mencakupi pelbagai sektor termasuk kesihatan, pendidikan, pertanian, dan juga pembangunan hartanah dengan pelbagai bentuk-bentuk wakaf termasuk kutipan wakaf tunai (atau disebut saham wakaf), wakaf ilmu, dan wakaf korporat (wakaf saham) (Ainul Kauthar et al., 2016).

Dalam konteks pengurusan wakaf di Malaysia, seperti zakat ia dilaksanakan sama ada oleh MAIN sendiri atau agensi di bawah MAIN iaitu Perbadanan Wakaf (seperti di Selangor dan Negeri Sembilan). Seperti zakat juga, jika wakaf diuruskan oleh agensi di bawah MAIN, perakaunan dan pelaporan wakaf juga akan dilaksanakan oleh agensi tersebut dan pelaporan

akan disatukan dengan MAIN pada akhir tahun kewangan.

Baitulmal

Seperti yang telah disebut dalam perenggan-perenggan sebelum ini, konsep baitulmal di Malaysia adalah sedikit berbeza dengan konsep baitulmal yang difahami secara tradisional berdasarkan sejarah pentadbiran Negara Islam. Hasil baitulmal di MAIN adalah hasil-hasil agama atau hasil umum yang diterima selain dari zakat dan wakaf. Antara hasil-hasil baitulmal adalah hasil fai, ghanimah, kharaj, jizyah, harta yang dijumpai (luqatah), rikaz, harta pesaka bahagian baitulmal, sedekah, dan lain-lain (Sesetengah hasil baitulmal yang disebut mungkin tidak relevan dalam konteks negara Malaysia masa kini seperti fai, ghanimah, kharaj, jizyah disebabkan Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan dan ekonomi konvensional yang mengasingkan fungsi pentadbiran awam dan pentadbiran agama Islam). Berbanding zakat dan juga wakaf, pengurusan hasil atau harta am baitulmal ini boleh diurus dan ditadbir secara bebas untuk tujuan kemaslahatan ummah oleh pentadbirnya (Hailani Muji Tahir,2007).

Bagi pengurusan sumber hasil baitulmal di Malaysia, boleh dikatakan hampir semua negeri ia dilaksanakan oleh MAIN kecuali bagi sebahagian kecil negeri (seperti di Sabah), ia dikendalikan oleh agensi khusus (seperti Perbadanan Baitulmal di Sabah). Sebagai agensi khusus yang ditubuhkan secara berasingan (iaitu sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Badan Berkanun), Perbadanan Baitulmal Sabah mengaikaun dan melaporkan sumber baitulmal secara tersendiri selaras dengan penubuhan Perbadanan Baitulmal Sabah sebagai sebuah entiti badan berkanun yang berasingan. Ini bermakna perakaunan dan pelaporan sumber baitulmal Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) tidak disatukan dengan MAIN.

Prinsip Pengiktirafan Hasil

Terdapat dua asas pengiktirafan hasil dalam perakaunan iaitu sama ada menggunakan asas tunai atau asas akruan. Asas tunai mengkehendaki hasil hanya diiktiraf apabila tunai telah diterima oleh entiti, manakala asas akruan mengkehendaki hasil diiktiraf apabila ia telah diperolehi (seperti perkhidmatan telah diberikan, pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang niaga) tidak kira sama ada tunai telah diterima atau belum terima. Prinsip perakaunan yang diterima umum dalam perakaunan konvensional mengguna pakai asas akruan sebagai asas dalam pengiktirafan hasil dan lain-lain. Oleh itu, piawaian perakaunan konvensional (seperti MPSAS) secara umumnya mengguna pakai asas akruan dalam mengiktiraf hasil.

Metodologi

Artikel ini bertujuan memberikan deskripsi amalan pengiktirafan hasil oleh Institusi WZB. Sampel kajian ini adalah menggunakan data dari lima (5) Institusi WZB yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan penyata kewangan Institusi WZB tahun 2016 untuk melihat komponen-komponen hasil wakaf, zakat dan baitulmal yang diiktiraf dan didedahkan dikalangan sampel Institusi WZB yang dipilih. Seterusnya, sesi perbincangan kumpulan fokus

dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan lebih mendalam berhubung aspek amalan pengiktirafan hasil di Institusi WZB serta mengesahkan maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Peserta dalam perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan adalah terdiri daripada semua pegawai perakaunan dan pegawai yang terlibat dalam menguruskan hasil wakaf, zakat dan baitulmal di Institusi WZB.

Bagi tujuan kajian ini, lima Institusi WZB yang dijadikan sampel kajian dikenalpasti menggunakan abjad A, B, C, D dan E bagi menjamin 'anonymity' responden. Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan tema dan juga tempat penyelidikan iaitu Lima Institusi WZB yang menjadi sampel kajian. Dapatan dari analisis kandungan dan juga perbincangan kumpulan fokus dianalisis seperti dicadangkan Silverman (2001) mengikut tema dan suatu pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian. Seterusnya, pemetaan tema bagi setiap sampel Institusi WZB dibuat bagi membolehkan dapatan kajian dibandingkan antara sampel.

Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan perakaunan Institusi WZB dengan memberi fokus kepada aspek amalan pengiktirafan hasil di Institusi WZB sama ada MAIN atau agensi yang diberi kuasa oleh MAIN, bergantung kepada pihak mana yang menguruskan wakaf, zakat dan sumber baitulmal berkenaan. Secara umumnya, komponen hasil yang dikutip oleh Institusi WZB dikelaskan mengikut kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Baitulmal. Jadual 1 menunjukkan ringkasan jenis hasil dan amalan pengiktirafan hasil bagi Kumpulan Wang Wakaf oleh lima Institusi WZB yang dikaji.

Jadual 1: Hasil Kumpulan Wang Wakaf

	Institusi				
	A	B	C	D	E
1. Hasil Sewa: Premis kedai	√	√	Tiada	Tiada	- (Dana Wakaf Khusus)
2. Hasil Sewa: Bangunan	√	Tiada	Tiada	Tiada	- (Dana Wakaf Khusus)
3. Hasil Sewa: Bazar di masjid	√	√	Tiada	√	- (Dana Wakaf Khusus)
4. Hasil Sewa/ Pajakan: Tanah	√	√	Tiada	√	- (Dana Wakaf Khusus)

5. Hasil Sewa: Menara Masjid (Sewaan Kepada Syarikat Telekomunikasi)	√	Tiada	Tiada	Tiada	- (Dana Wakaf Khusus)
6. Kutipan Saham Wakaf Tunai (Am)	√	√	√ (Baitulmal)	√	- (Dana Wakaf Khusus)
7. Kutipan Saham Wakaf Tunai (Khas)	- (Liabiliti)	- (Liabiliti)	Tiada	√	- (Dana Wakaf Khusus)
8. Kutipan Wakaf Hartanah Am	Tidak Diiktiraf	√(Nilai Nominal)	Tiada	√ (Harga Pasaran)	Tidak Diiktiraf
9. Kutipan Wakaf Hartanah Khas	Tidak Diiktiraf	- (Liabiliti)	Tiada	√ (Harga Pasaran)	Tidak Diiktiraf
10. Hibah/ Keuntungan Simpanan Tetap/ Dividen	√	√	Tiada	√	-(Dana Wakaf Khusus)
11. Kutipan Khairat (Sedekah/ Derma Masjid)	√	Tiada	Tiada	√	Tiada

Dapatan daripada kajian ini mendapati komponen hasil yang utama bagi kumpulan wang wakaf adalah terdiri daripada hasil sewa pelbagai hartanah termasuk premis kedai, bangunan, bazar di kawasan masjid, tanah dan sewaan menara masjid kepada syarikat telekomunikasi. Pengiktirafan hasil sewa bagi kesemua Institusi WZB yang dikaji adalah berasaskan kaedah perakaunan akruan memandangkan terdapat perjanjian atau kontrak dengan penyewa. Kadar sewa adalah secara umumnya ditetapkan mengikut nilai pasaran tetapi terdapat kes-kes tertentu yang diberi pada kadar diskaun bagi tujuan kebajikan bergantung kepada permohonan penyewa dan tertakluk kepada keputusan jawatankuasa Institusi WZB tersebut.

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 1, amalan pengiktirafan hasil wakaf di Institusi E secara keseluruhannya adalah unik dan berbeza dengan Institusi yang lain. Institusi E tidak mengiktiraf wakaf dan hasil wakaf (manfaat wakaf) yang diterima sebagai hasil. Sebaliknya ia mengiktiraf sebarang kutipan wakaf dan manfaatnya terus ke dalam dana (kumpulan wang) wakaf secara khusus. Oleh itu, Institusi E tidak menyediakan penyata pendapatan bagi kumpulan wang wakaf, dan pelbagai dana (kumpulan wang) wakaf dapat dilihat dalam penyata kedudukan kewangan bagi kumpulan wang wakaf. Dapatan kajian pengiktirafan hasil wakaf juga agak unik di Institusi C. Hal ini kerana, wakaf di Institusi C

belum berkembang jika dibandingkan dengan empat Institusi WZB lain yang dikaji. Kumpulan Wang Wakaf bagi Institusi C diletakkan di bawah entiti baitulmal dan setakat ini hanya kutipan saham wakaf tunai yang telah dilaksanakan.

Seterusnya, bagi kutipan saham wakaf tunai bagi tujuan am secara umumnya diiktiraf sebagai hasil dalam Kumpulan Wang Wakaf. Namun, terdapat perbezaan amalan pengiktirafan kutipan saham wakaf tunai bagi tujuan khas dikalangan sampel Institusi WZB yang dikaji. Contohnya, Institusi B tidak mengiktiraf kutipan saham wakaf tunai khas sebagai hasil sebaliknya ianya diiktiraf sebagai liabiliti. Berbeza dengan amalan di Institusi C dan D yang mengiktiraf kutipan saham wakaf tunai khas sebagai hasil dalam Kumpulan Wang Wakaf.

Hasil kutipan wakaf dalam bentuk hartanah bagi tujuan am diiktiraf sebagai hasil pada nilai nominal di Institusi B, manakala diiktiraf pada nilai pasaran di Institusi D, manakala Institusi A dan E tidak mengiktiraf terimaan wakaf hartanah sama ada wakaf khas ataupun am sebagai hasil. Seperti pengiktirafan kutipan saham wakaf tunai khas, kutipan wakaf hartanah tujuan khas tidak diiktiraf sebagai hasil sebaliknya diiktiraf sebagai liabiliti di Institusi B. Manakala, Institusi D mengiktiraf kutipan atau terimaan wakaf hartanah khas sebagai hasil yang diukur pada nilai pasaran.

Lain-lain hasil bagi Kumpulan Wang Wakaf yang terdapat dimajoriti Institusi WZB yang dikaji adalah seperti hibah bank, keuntungan dari simpanan tetap dan juga dividen. Terdapat juga Institusi WZB yang memperoleh hasil kutipan khairat iaitu derma atau sedeqah yang diterima dari tabung masjid yang dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf.

Perenggan seterusnya membincangkan amalan pengiktirafan hasil bagi Kumpulan Wang Zakat. Jadual 2 di bawah meringkaskan jenis hasil dan amalan pengiktirafan hasil bagi Kumpulan Wang Zakat oleh lima Institusi WZB yang dikaji.

Jadual 2: Hasil Kumpulan Wang Zakat

	Institusi				
	A	B	C	D	E
1. Kutipan Semua Jenis Zakat Harta & Fitrah	√	√	√	√	√
2. Dividen/ Hibah/ Keuntungan Simpanan Tetap (Jangka Pendek)	√	√	√	√	√
3. Keuntungan Pelaburan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	√ (Pelaburan Lama)

4. Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Perniagaan Qardul Hassan	√	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
5. Hasil Sewa Premis	√	Tiada	Tiada	Tiada	- (Dana Wakaf Khusus)

Dapatan daripada kajian ini mendapati komponen hasil utama Kumpulan Wang Zakat adalah kutipan semua jenis zakat harta (iaitu zakat pendapatan, perniagaan, tanaman, ternakan, emas atau perak, rikaz, saham, wang simpanan, KWSP) dan zakat fitrah. Kutipan zakat diiktiraf sebagai 'hasil' konsisten bagi kesemua Institusi WZB yang dikaji dengan menggunakan kaedah pengiktirafan asas tunai.

Selain itu, terdapat juga hasil sampingan iaitu hasil dividen, hibah bank, dan keuntungan simpanan tetap yang dijana dari dana kutipan zakat yang disimpan di bank sementara menunggu proses agihan kepada asnaf-asnaf yang terlibat. Simpanan tetap yang menjana keuntungan tersebut adalah simpanan tetap jangka pendek tidak lebih dari sebulan dan terdapat fatwa yang mengkehendaki keuntungan simpanan tersebut perlu dimasukkan ke Kumpulan Wang Zakat sebagai hasil untuk diagih semula kepada asnaf (Contoh fatwa tersebut terdapat di Institusi D). Pengiktirafan hasil-hasil ini juga mengikut asastunai.

Berdasarkan Jadual 2, hasil keuntungan pelaburan hanya terdapat di Institusi E di mana hasil tersebut merupakan hasil dari pelaburan-pelaburan lebihan zakat yang telah lama. Amalan terkini tidak lagi wujud pelaburan dari lebihan zakat.

Uniknya di Institusi A, terdapat hasil dari kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan kepada asnaf yang berasaskan kontrak pinjaman qardul hassan (pinjaman kebajikan). Berdasarkan dapatan dari perbincangan kumpulan fokus, kewujudan kontrak pinjaman qardul hassan tersebut adalah bertujuan untuk mendidik asnaf dengan sifat tanggungjawab dan komitmen terhadap perniagaan yang dijalankan. Kutipan bayaran balik tersebut diiktiraf sebagai hasil hanya apabila ia diterima (asas tunai) dan dimasukkan ke dalam kumpulan wang zakat untuk diagih semula kepada asnaf.

Seterusnya, bagi sesetengah negeri (Institusi A dan Institusi B), terdapat premis yang dibeli menggunakan dana zakat dan menjana hasil sewa yang masuk ke Kumpulan Wang Zakat. Bagi Institusi A, premis tersebut disewa kepada asnaf dengan kadar sewa pada nilai token kerana bertujuan hanya untuk menyediakan kemudahan kediaman kepada asnaf. Manakala, Institusi B pula menyewakan premis kepada bukan asnaf yang disewakan pada kadar pasaran.

Jadual 3 menunjukkan ringkasan jenis hasil dan amalan pengiktirafan hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal oleh lima Institusi WZB yang dikaji.

Jadual 3: Hasil Kumpulan Wang Baitulmal

	Institusi				
	A	B	C	D	E
1. Hasil Sewa: Premis kedai	√	√	Tiada	Tiada	√
2. Hasil Sewa: Bangunan	√	√	√	Tiada	√
3. Hasil Sewa: Bazar	Tiada	Tiada	Tiada	√	Tiada
4. Hasil Sewa/ Pajak: Tanah	√	√	Tiada	√	√
5. Hasil Sewa: Gudang	Tiada	Tiada	√	Tiada	Tiada
6. Hasil Sewa: Kuari/ Ladang	Tiada	Tiada	Tiada	√	Tiada
7. Faraid/ Pesaka Baitulmal– Hartanah	Tidak Diiktiraf	√ (Nilai Token)	Tidak Diiktiraf	Tidak Diiktiraf	√ (Nilai Saksama)
8. Faraid/ Pesaka Baitulmal –Tunai	√	√	√	√	√
9. Faraid/ Pesaka Baitulmal – Penebusan Waris	√	√	√	√	√
10. Geran/ Terimaan dari Kerajaan Negeri atau Persekutuan	√	Tiada	√	√	Tiada

11. Dividen/ Hibah/ Keuntungan Simpanan Tetap/ Pelaburan	√	√	√	√	√
12. Luqatah (Harta Dijumpai)	√	√ (Selepas 1 Tahun)	√	√	√ (Selepas 1 Tahun)
13. Wang Tak Patuh Syariah	√	√	√	√	√
14. Yuran Sijil Halal	√	√	Tiada	Tiada	Tiada
15. Wasiat dan Hibah	Tiada	√	Tiada	√	√
16. Wang Serahan (Individu Yang Ingin Melepaskan Hutang)	Tiada	√	Tiada	√	Tiada
17. Denda Mahkamah Syariah & Pentadbiran Agama	Tiada	√	√	√	Tiada
18. Sumbangan/ Derma Orang Awam	Tiada	√	√	√	Tiada
19. Cetakan Kad Nikah	√	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

20. Penjualan Enakmen	√	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
21. Penandaan Arah Kiblat/ Tauliah Penyembelihan	√	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Kumpulan Wang Baitulmal mempunyai jenis hasil yang pelbagai sesuai dengan fungsinya sebagai perbendaharaan harta umat Islam jika dibandingkan dengan Kumpulan Wang Wakaf dan Zakat yang bertujuan lebih khusus. Berdasarkan dapatan kajian ini, hasil utama bagi Kumpulan Wang Baitulmal adalah hasil sewa yang terdiri daripada pelbagai punca termasuk premis kedai, bangunan, bazar, tanah, gudang, kuari dan juga ladang. Kajian di kelima-lima sampel Institusi WZB mendapati kadar sewa yang ditetapkan bagi kebanyakan aset adalah pada kadar pasaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga sewaan yang diberi pada kadar diskaun bagi tujuan kebajikan bergantung kepada permohonan penyewa dan tertakluk kepada keputusan jawatankuasa Institusi WZB tersebut. Pengiktirafan hasil sewa juga adalah berasaskan kaedah akruan.

Seterusnya, terdapat perbezaan amalan bagi pengiktirafan hasil faraid atau disebut juga bahagian pesaka hak baitulmal dalam bentuk hartanah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Institusi A, C dan D tidak mengiktiraf ianya sebagai hasil dan hanya mengiktiraf hasil apabila berlaku penebusan oleh waris. Manakala Institusi B mengiktiraf hasil faraid atau bahagian pesaka hak baitulmal dalam bentuk hartanah pada nilai nominal atau nilai token. Institusi E pula mengiktiraf sebagai hasil pada nilai saksama iaitu nilai yang telah ditentukan oleh mahkamah. Bagi hasil faraid atau bahagian pesaka hak baitulmal dalam bentuk tunai dan yang ditebus oleh waris, kelima-lima sampel Institusi WZB yang dikaji secara konsisten mengiktiraf ia sebagai hasil menggunakan asas akruan.

Transaksi pengiktirafan hasil yang unik dan menarik untuk dikupas adalah berhubung hasil luqatah iaitu hasil dari barang yang dijumpai sama ada dalam bentuk tunai serta barang-barang berharga seperti emas, barang kemas dan perhiasan, dan lain-lain (diiktiraf apabila dicairkan). Hasil luqatah yang diserahkan kepada Institusi Baitulmal boleh dituntut oleh pihak empunya ataupun waris pada bila-bila masa dengan mengemukakan bukti yang mengesahkan pemilikan si penuntut. Amalan pengiktirafan hasil luqatah dilihat berbeza antara sampel institusi yang dikaji terutama pada titik pengiktirafan harta luqatah sebagai hasil kepada Kumpulan Wang Baitulmal. Contohnya, Institusi A, Institusi C dan Institusi D mengiktiraf hasil luqatah sebagai hasil bagi Kumpulan Wang Baitulmal apabila ia diterima (tunai), dan dicairkan. Institusi C setakat ini hanya mengiktiraf hasil luqatah dalam bentuk tunai kerana belum ada harta luqatah dalam bentuk barangan yang dicairkan. Namun, amalan di Institusi B adalah berbeza kerana pengiktirafan hasil luqatah ke dalam Kumpulan Wang Baitulmal hanya dibuat selepas tempoh setahun. Tempoh setahun adalah tempoh hebahan kepada orang awam berhubung harta luqatah dan jika tiada tuntutan dibuat harta tersebut akan dicairkan

melalui pelbagai bentuk pelupusan yang sesuai seperti jualan dan lelongan dan hasilnya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Baitulmal. Oleh itu, dalam tempoh setahun dari tarikh harta luqatah diserahkan kepada Institusi B, harta tersebut diiktiraf sebagai liabiliti. Bagi Institusi E, dalam tempoh hebahan (setahun), hasil luqatah tidak diiktiraf (hanya direkod) dan diiktiraf sebagai hasil kumpulan wang baitulmal selepas tamat tempoh hebahan.

Hasil lain seperti geran atau terimaan dari Kerajaan Negeri ataupun persekutuan diiktiraf sebagai hasil di Institusi A, C dan D. Penerimaan geran tersebut adalah tidak bersyarat dan bertujuan untuk menampung kos emolumen kakitangan pegawai-pegawai agama di Institusi WZB itu sendiri. Hasil-hasil lain yang wujud dalam kumpulan wang baitulmal di Institusi WZB yang dikaji (tetapi tidak semua hasil yang sama wujud di setiap institusi) adalah terdiri dari hasil dividen/hibah/keuntungan simpanan tetap/pelaburan, luqatah, wang tak patuh syariah, yuran sijil halal, yuran dari perkhidmatan wasiat dan hibah, wang serahan oleh individu muslim yang ingin melepaskan tanggungan hutang, denda mahkamah syariah dan pentadbiran agama (bagi negeri yang mengguna pakai konsep pengasingan hasil-hasil agama daripada diiktiraf sebagai wang awam seperti definisi dalam Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Institusi B, C, dan D), sumbangan orang awam, dan hasil dari perkhidmatan sampingan seperti cetakan kad nikah, penjualan enakmen, penandaan arah kiblat, tauliah penyembelihan. Namun, dari segi jumlah hasil-hasil lain tersebut secara relatifnya adalah kecil berbanding dengan kutipan hasil zakat dan wakaf bagi kebanyakan Institusi WZB yang dikaji.

Perbincangan

Jika dikaitkan dengan konsep hasil urus niaga pertukaran dan bukan pertukaran (seperti kaedah perakaunan hasil dalam MPSAS), dapatan kajian ini menunjukkan majoriti jenis-jenis hasil yang terdapat di Institusi WZB secara amnya boleh dikatakan termasuk dalam kategori hasil transaksi bukan pertukaran seperti hasil zakat, wakaf, hasil baitulmal seperti hasil faraid atau hak pesaka baitulmal, luqatah, wang tak patuh syariah, dan pelbagai perkhidmatan yang diberi dengan caj nominal atau pada nilai token. Hal ini adalah selari dengan sifat entiti kerajaan atau entiti kebajikan yang tidak bermotifkan keuntungan.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, terdapat beberapa perbezaan amalan pengiktirafan hasil agama Islam di Institusi WZB yang dikaji. Pertama, terdapat perbezaan dalam pemakaian asas perakaunan dalam mengiktiraf hasil iaitu sesetengah hasil diiktiraf menggunakan asas akruan (seperti hasil sewa) manakala sesetengah hasil agama yang lain diiktiraf menggunakan asas tunai (seperti hasil zakat, hasil wakaf, hasil baitulmal seperti luqatah, wang tak patuh syariah, derma atau sumbangan dan lain-lain). Amalan ini adalah sama bagi kesemua Institusi WZB yang dikaji. Dari perspektif syariah, walaupun kaedah pengiktirafan hasil menggunakan asas tunai adalah dianggap kaedah paling tepat kerana hasil yang diiktiraf dalam catatan perakaunan adalah selari dengan alir tunai yang telah masuk ke dalam entiti sebagai tukaran urus niaga (urus niaga dianggap telah sempurna), kaedah akruan juga adalah diterima dari pandangan syariah kerana tidak bertentangan dengan prinsip syariah (Nurazleena & Zulkarnain, 2017). Petikan pandangan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara berhubung kaedah pengiktirafan hasil (sama ada asas akruan atau asas tunai) adalah seperti

berikut:

“Terdapat dua kaedah pengiktirafan pendapatan yang dilaksanakan iaitu kaedah tunai dan terakru. Amalan perakaunan antarabangsa secara konvensional telah menyelaraskan kepada kaedah terakru sahaja. Dari segi syariah, kedua-dua kaedah iaitu tunai dan terakru boleh digunakan oleh institusi kewangan Islam dalam proses pengiktirafan pendapatan. Kaedah pengiktirafan pendapatan secara tunai dianggap kaedah yang paling tepat terutamanya dalam penentuan keuntungan pelaburan mudharabah. Walau bagaimanapun, memandangkan perubahan suasana perniagaan yang lebih meluas dan pelbagai, kaedah tunai adalah tidak begitu praktikal dan kurang efisien serta tidak selari dengan suasana perniagaan semasa. Kaedah terakru dibolehkan atas asas bahawa urusan perniagaan yang dijalankan oleh institusi kewangan Islam adalah secara berterusan dan tidak terhenti apabila sesuatu projek/urusan itu selesai” (Garis Panduan Syariah, Bank Negara Malaysia)

Selain itu, amalan pengiktirafan dan pengukuran bagi kutipan wakaf khas di kalangan majoriti Institusi WZB yang dikaji mengiktiraf kutipan tersebut sebagai liabiliti (kecuali Institusi D yang mengiktiraf sebagai hasil). Hal ini kerana, entiti berpegang kepada prinsip dan konsep wakaf khas sebagai suatu amanah yang menjadi tanggungan kepada entiti yang perlu dilunaskan mengikut kehendak pewakaf dan ianya selari dengan keputusan fatwa negeri. Begitu juga dengan aspek pengukuran di mana bagi Institusi WZB yang mengiktiraf wakaf khas, kaedah pengukuran adalah berbeza (sama ada menggunakan nilai pasaran atau nilai nominal). Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati setakat ini tiada pendedahan berhubung polisi yang komprehensif berhubung aspek pengiktirafan dan pengukuran wakaf dalam penyata kewangan di majoriti Institusi WZB yang dikaji. Justeru, jelas bahawa aspek pengiktirafan wakaf khas ini perlu kepada penelitian lanjut kerana perbezaan amalan yang ditunjukkan melalui dapatan kajian ini memberikan suatu petunjuk keunikan wakaf yang perlunya kepada konsensus dari segi prosedur perakaunan bagi tujuan pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam yang seragam bagi Institusi WZB.

Bagi kumpulan wang zakat, amalan semasa tidak menunjukkan banyak perbezaan di kalangan Institusi WZB yang dikaji. Namun, fokus juga harus diberikan bagi meneliti ketepatan amalan mengiktiraf kutipan zakat sebagai ‘hasil’ sama ada amalan tersebut selari dengan konsep hasil dari perspektif syarak dan juga dari sudut kerangka perakaunan seperti yang ditimbulkan oleh Maliah et al. (2016). Selanjutnya, pengiktirafan kutipan zakat sebagai ‘hasil’ dalam penyata pendapatan bagi Institusi WZB ini juga boleh menimbulkan persoalan dan salah faham pengguna penyata kewangan kerana amalan perakaunan semasa mengelakkan ‘lebihan’ kutipan zakat yang belum diagih dimasukkan ke dalam bahagian ekuiti (layanan terhadap ‘lebihan zakat belum agih’ tersebut dilayan sama seperti ‘lebihan pendapatan atas perbelanjaan’ dari sudut perakaunan kerana pelaporan Institusi WZB adalah mengikut piawaian perakaunan konvensional).

Manakala, isu pokok yang mungkin perlu diberi perhatian bagi pengiktirafan hasil kumpulan wang baitulmal adalah berhubung pengiktirafan harta faraid atau pesaka hak baitulmal yang diterima dalam bentuk hartanah. Hal ini kerana wujudnya perbezaan dalam amalan pengiktirafan (sama ada harta tersebut diiktiraf atau tidak diiktiraf) dan bagi Institusi WZB yang mengiktiraf, terdapat perbezaan prinsip ukuran yang digunakan iaitu ada Institusi WZB mengiktiraf pada nilai nominal dan pada nilai saksama. Selain itu, pengiktirafan hasil luqatah perlu diteliti terutama tentang titik pengiktirafan hasil luqatah sebagai hasil kerana keunikan sifat hasil luqatah yang perlu diurus berdasarkan kehendak syarak seperti keperluan untuk dihebahkan dan boleh dituntut tanpa had masa seperti dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W berikut:

“Seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW berkenaan dengan harta luqatah lalu Baginda bersabda: “Hebahkanlah harta tersebut selama setahun. Sekiranya tuannya datang serahkanlah kepadanya, dan jika tiada yang datang maka hendaklah kamu ketahui bentuk dan talinya. Hendaklah kamu simpan dalam simpanan kamu. Sekiranya tuannya datang, serahkanlah ia kepadanya.” (Riwayat Abu Daud)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, artikel ini telah mempersembahkan dapatan kajian berkaitan amalan pengiktirafan hasil di Institusi WZB yang dipilih sebagai sampel kajian dan membincangkan secara ringkas isu-isu pokok berkaitan aspek pengiktirafan hasil yang diharapkan dapat dijadikan input dalam pembentukan piawaian perakaunan dan pelaporan yang seragam bagi Institusi WZB. Bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti Institusi WZB dapat dizahirkan pada tahap yang tertinggi, amalan pengiktirafan hasil ataupun harta oleh Institusi WZB perlu diteliti dan diharmonikan sewajarnya agar Institusi ini terus mendapat kepercayaan dan dipandang tinggi oleh pihak berkepentingan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang dilaporkan dalam artikel ini perlu ditafsir dengan mengambil kira beberapa limitasi seperti berikut. Pertama, kajian ini adalah suatu kajian yang memfokus kepada lima buah Institusi WZB di Malaysia yang diambil sebagai sampel kajian dan fokus kepada item-item hasil yang dilaporkan dalam penyata kewangan tahun 2016 sahaja. Mungkin terdapat jenis-jenis hasil yang lain dan amalan pengiktirafan yang terkini yang tidak disentuh dalam artikel ini. Justeru, kajian lanjut boleh dilaksanakan, contohnya dengan mengkaji dan membandingkan amalan pengiktirafan hasil di Institusi WZB di Negara lain bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam dan holistik berhubung aspek perakaunan hasil atau harta umat Islam. Kedua, dapatan kajian yang dilaporkan dalam artikel ini adalah dapatan dari kajian deskriptif yang tidak cuba untuk membincangkan amalan dan isu-isu pengiktirafan hasil Institusi WZB secara mendalam dan terperinci. Oleh hal yang demikian, kajian susulan perlu dilaksanakan untuk menggali isu-isu yang diketengahkan secara mendalam dengan merujuk kepada pandangan-pandangan pakar syariah dan juga pakar bidang perakaunan bagi mendapatkan kefahaman tentang konsep pengiktirafan hasil dari perspektif Islam.

Rujukan

- Abdul Rahman, A.R & Goddard, A. (1998), An Interpretive Inquiry of Accounting Practices in Religious Organisations, *Financial Accountability & Management*, 14(3), 183-201.
- Ahmad Zamri, O.H, Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Maliah, S. Siti Alawiyah, S., & Marhanum C.M.S. (2017), Perakaunan Baitul Mal: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 7, 29-40.
- Ainul Kauthar Karim, Arief Sallah Rosman & Azman Ab Rahman, (2016), Konsep Wakaf Kesihatan dan Perkembangannya di Malaysia, dalam buku *Pembiayaan & Pembangunan Wakaf dalam Melestarikan Ekonomi Ummah: Cabaran dan Prospek Masa Hadapan*, Penerbit USIM.
- Azman A.R, Alias, M.H., & Omar, S.M.N. (2012), Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues, *Global Journal Al Thaqafah (Gjat)*, 2(1), 35-41.
- Azmi, A.A, & Hanifa, M.H. (2015) 'The Sharia-compliance of financial reporting practices: a case study on waqf', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 6 (1), 55-72.
- Bernama. (2016). Piawai Perakaunan Islam untuk Pelaporan Kewangan Wakaf, Zakat dan Baitulmal Dibentuk, Retrived 20 Jun 2016, from <http://www.bernama.com/bernama/v8/index.php>
- Connolly, C. and Hyndman, N. (2013), 'Towards charity accountability', *Public Management Review*, 15 (7), 945–968.
- Garis Panduan Syariah, Bank Negara Malaysia, Kompilasi Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Jilid 1.
- Glosari Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan (2014), Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Gulaid, M. A., 1995. "Public Sector Resource Mobilization in Islam," *Islamic Economic Studies*, The Islamic Research and Training Institute (IRTI), vol. 2, pages 79-107.
- Hailani Muji Tahir, (2007), *Institusi baitulmal dalam pembangunan negara*, Penerbit UKM Bangi.
- Hailani Muji Tahir & Ahmad, S. (2009), *Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Selangor.
- Hairunnizam, W. & Radiah, A.K. (2010). *Localization of Malaysian Zakat Distribution: Perceptions of Amils and Zakat Recipients*, PhD Thesis, Universiti Malaya.

- Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.
- Halidan, M.D. (2006). *Pengalaman Pengurusan Zakat Pahang*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Basri and A.K. Siti Nabiha, (2010), 'Towards good accountability: the role of accounting in Islamic religious organisation', *The International Conference on Business, Economics and Finance, World, Academy of Science, Engineering and Technology*, Paris, France.
- Ihsan, H., Mohamad Alwi, N., Sulaiman, M., & Adnan, M.A. (2017), 'A Study of Accountability Practice in Dompot Dhuafa Waqf of Indonesia', *JKAU: Islamic Econ.*, 30 (2), 13-32.
- IPSASB (2014), *Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities*.
- Khairul Azhar, M. (2017), *Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia*, Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)*, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- Maliah, S., Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Ahmad Zamri, O.H., Siti Alawiyah, S., & Ibrahim, N. (2016), *Accounting and Accountability of Waqf, Zakat, and Baitul Mal (WZB) in Malaysia: A Review of Literature*, *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6, 1-12.
- Md Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H. (2016), 'Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal', *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 6, 23-44.
- Mustaffha, N & Zainal, M, F (2016), *Waqf and accounting treatment: pursuing the transparency and accountability – A case study*, *Proceeding of the 3rd International Conference on Masjid, Zakat & Waqf (IMAF)*.
- Nahar, H.S., & Yaacob, H. (2011). *Accountability from sacred context: The case of management, accounting and reporting of a Malaysian cash awqaf institution*, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2), 87-113.
- Nurazleena, I. & Zulkarnain M.S. (2017). *A closer look at accounting for Islamic Financial Institutions*, *SHS Web of Conferences*, 34, FourA
- Omar, H.H, Abu Bakar, A, Shuib, M. S & Jusoh, M.K.A. J. (2016), *Penggunaan kaedah*

B. O. T dalam usaha membangunkan tanah wakaf Majoodsaw Pulau Pinang, pembiayaan & pembangunan wakaf dalam melestarikan ekonomi ummah: cabaran dan prospek masa hadapan, Penerbit USIM.

Qaradhawi, Y. (2011). *Fiqh al Zakah: A Comprehensive study of Zakah Regulations and Philosophy in the Light of the Qur'an and Sunna* (M. Kahf & I. Siddiqui, Trans.), Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

Siti Rokyah, M.Z., (2005), 'Determinants of financial reporting practices on waqf by state islamic religious council in Malaysia', Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor.

Yaacob, H, Petra, S., & Sumardi, (2015), 'Accountability through accounting and reporting lenses lessons from an awqaf institution in a Southeast Asia Country', *Humanomics*, 31 (1), 299-31.

Zainal Abidin, J. (2006). *Pengurusan agihan zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

